

Kes isteri warga Vietnam larikan anak meningkat

Utusan 26/7/12 MS 29.

# Waspada kahwini rakyat asing

Oleh AZRAI MOHAMMAD  
pengarang@utusan.com.my

**KUALA LUMPUR** 25 Julai - Biro Pengaduan Awam MCA menasihati lelaki yang berhajat mengahwini warga asing khususnya dari Vietnam melalui ejen mencari jodoh agar lebih berhati-hati berikutan peningkatan kes isteri membawa lari anak ke negara asal.

Ketuanya, Datuk Seri Michael Chong (**gambar**) berkata, pihaknya telah menerima sebanyak 11 kes seumpama itu setakat ini melibatkan enam kes warga Vietnam, manakala

selebihnya warga Thailand dan Indonesia.

Pada tahun lalu pula, ujarnya, 10 kes telah dicatatkan dan ia melibatkan lapan kes warga Vietnam.

"Lebih membimbangkan, peluang untuk membawa pulang anak-anak yang mempunyai taraf kewarganegaraan tempatan tersebut ke sini amat tipis berdasarkan pengendalian kes-kes sebelum ini.



"Hanya ada dua cara iaitu dengan bantuan daripada pihak kedutaan kedua-dua negara serta ejen yang menguruskan perkahwinan pasangan terbabit," katanya pada sidang akhbar di Wisma MCA di sini hari ini.

Menurut Michael, sejak tahun lalu hanya satu kes yang berjaya diselesaikan setelah ejen terbabit memujuk isteri mangsa untuk kembali ke Malaysia bersama anak mereka.

Katanya, dalam laporan terbaru yang diterima hari ini, seorang pemandu lori, Lim Boon Hoi, 38, dari Matang, Perak, mengalami nasib sama apabila isterinya, Nguyen Thi Ve, 24, yang merupakan warga Vietnam melarikan anak lelaki mereka berusia dua tahun.

"Isterinya yang dikahwini tiga tahun lalu pulang ke Vietnam bersama anaknya pada 14 Jun lalu dengan alasan dia merindui keluarganya di sana.

"Namun, apabila kali terakhir dihubungi pada 11 Julai lalu, isterinya itu menyatakan dia tidak akan pu-

lang ke Malaysia tanpa menyatakan sebarang alasan. Sehingga kini, mereka gagal dihubungi," ujarnya.

Menurut Michael, sepanjang tempoh berada di Vietnam, Boon Hoi pernah mengiriskan wang RM600 kepada isterinya itu setelah diminta wanita tersebut dengan alasan untuk pembiayaan perubatan anak mereka.

Tambahnya, kebanyakan kes yang dilaporkan bukan melibatkan pasangan yang mempunyai masalah rumah tangga atau tujuan melarikan barangan berharga milik mangsa.